

11 DEC 2000

Parlimen-Mahathir

TUNTUTAN SUQUI BELAKANGKAN KONTRAK SOSIAL, KETEPIKAN PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bukan sahaja terpaksa membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas negara berbilang kaum ini tetapi juga mengetepikan Perlembagaan Malaysia jika semua 83 tuntutan kumpulan pendesak Cina, Suqui, diterima.

Perdana Menteri memberitahu persidangan Dewan Rakyat bahawa jika itu yang terpaksa dilakukan oleh kerajaan, maka Malaysia tidak lagi akan aman dan tidak mungkin akan maju.

Ini kerana tuntutan Suqui ialah supaya orang Cina mendapat semua yang mereka anggap sebagai hak mereka, yang bermakna menuntut supaya dimansuhkan perbezaan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

"Sebagai Perdana Menteri saya bertanggungjawab terhadap keamanan dan keselamatan negara. Saya tahu sebarang percubaan untuk merampas hak Melayu dan Bumiputera akan menyebabkan huru-hara berlaku," katanya ketika menjawab soalan Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) pada sesi soal jawab.

Dr Mahathir berkata memang benar Suqui tidak berkata demikian tetapi itulah maksud dan hasil pemansuhan perbezaan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera yang dituntut oleh Suqui.

Perdana Menteri berkata kesan daripada tuntutan Suqui itu tidak menjadi serius dan rusuhan tidak berlaku kerana beliau sendiri melarang Pemuda Umno dan kumpulan-kumpulan orang Melayu yang lain daripada bertindak memprotes secara keras.

"Mereka diberitahu saya akan menangani tuntutan Suqui ini," katanya.

Hasutan orang asing supaya Malaysia juga jatuh ke dalam keadaan huru-hara seperti di negara membangun lain, terutama negara Islam, sudah nampak berkesan di kalangan rakyat berketurunan Melayu dan Cina berikutan tuntutan itu, kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau telah bertindak menghalang Pemuda Umno dan kumpulan orang Melayu lain daripada memprotes dengan keras, Suqui nampaknya meneruskan juga dengan tuntutan mereka.

"Sikap mereka tidak mengendahkan larangan untuk tidak membangkitkan isu sensitif dan tidak menghormati kontrak sosial, dasar-dasar negara dan arahan kerajaan adalah sama dengan sikap komunis.

"Tindakan mereka tidak menghormati hak kaum lain adalah sama dengan (kumpulan bersenjata) Al-Maunah," katanya.

Perdana Menteri berkata, yang dituntut ialah hak sama rata dan meritokrasi, seperti juga dengan "Malaysian Malaysia."

Beliau berkata meritokrasi sebenarnya dijadikan alasan untuk sengaja menyekat dan menindas hak penduduk asal seperti yang dapat dilihat di sebuah negara berdekatan dan negara-negara lain yang telah dirampas oleh pendatang asing daripada penduduk asal.

"...bagaimana penduduk asal diketepikan, menjadi miskin dan daif dan tidak berperanan dalam pemerintahan apabila hak sama rata dan meritokrasi diamalkan kononnya," katanya.

Sambil menegaskan bahawa teguran beliau hanyalah terhadap kumpulan Suqui terutama pemimpin-pemimpin tertentu mereka, beliau berkata, mereka dengan akhbar Cina tertentu menjadikan teguran beliau seolah-olah ditujukan kepada masyarakat Cina keseluruhannya.

"Jika orang Cina berasa tersinggung kerana salah faham yang disengajakan oleh Suqui dan akhbar tertentu, saya pohon maaf," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Suqoi perlu ditegur kerana mencabar kontrak sosial dan mencuba merebut semua untuk satu kaum melalui kononnya hak sama rata dan meritokrasi, yang ditolak oleh orang Melayu setengah abad dahulu.

Dr Mahathir berkata di Malaysia sudah diterima hakikat bahawa tidak ada mana-mana kaum yang akan mendapat semua yang dianggap sebagai hak oleh mereka dan semua kaum mesti berkorban sedikit supaya hak orang lain tidak terhakis.

"Orang Melayu sanggup cairkan dominasi mereka dalam politik kerana ingin mengiktiraf hak bukan Melayu dan menerima konsep berbilang kaum," katanya.

Dr Mahathir telah mengimbas panjang lebar bagaimana bermulanya kontrak sosial antara kaum di negara ini.

Beliau berkata pemimpin Melayu telah bermuafakat dengan pemimpin kaum Cina dan India yang diwakili MCA dan MIC supaya rampasan harta tidak dilakukan dan sistem sosialis ditolak.

"Sebaliknya lebih satu juta penduduk bukan Melayu diberi kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu setelah mereka bersetuju dan iktiraf orang Melayu sebagai Bumiputera anak watan dengan hak yang istimewa," katanya.

Beliau berkata pakatan atau kontrak sosial itulah yang membolehkan semua kaum menuntut kemerdekaan bersama.

Pada ketika mencapai kemerdekaan, banyak yang meramalkan Malaysia (Malaya ketika itu) tidak akan maju dan aman kerana orang Melayu akan merebut kuasa dan menindas kaum-kaum lain lantaran 80 peratus orang Melayu ketika itu terdiri daripada golongan termiskin dan ketiggalan dalam pelajaran dan perniagaan.

Dr Mahathir berkata malangnya setelah merdeka, tidak banyak kemajuan yang dicapai oleh orang Melayu dan Bumiputera lain, yang memiliki hanya satu peratus sahaja daripada kekayaan dan punca kekayaan negara.

Beliau berkata kesannya, dalam pilihan raya 1969 berlaku rusuhan apabila mereka melihat bagaimana hak istimewa mereka tidak menjamin kemajuan mereka dan setelah diejek-ejek oleh parti tertentu bahawa mereka akan hilang kuasa mereka.

Katanya, sekali lagi ramalan dibuat bahawa Malaysia tidak akan pulih dan akan terus dilanda huru-hara dan rusuhan kaum sepanjang masa, tetapi kebijaksanaan para pemimpin Perikatan terserlah lagi apabila MAGERAN (Majlis Gerakan Negara yang mentadbir semasa huru-hara) yang dikuasai orang Melayu tidak dikekalkan.

"Sebaliknya pemimpin Perikatan mengajak semua parti dan semua kaum berunding untuk menjalin kerjasama antara kaum yang baru... yang akhirnya menghasilkan pendekatan baru untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan pembangunan antara kaum. Dengan itu Dasar Ekonomi Baru (DEB) dibentuk dan dilaksanakan," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun 60 peratus daripada warganegara Malaysia terdiri daripada orang Melayu dan Bumiputera lain, DEB hanya memperuntukkan 30 peratus sahaja daripada kekayaan ekonomi negara bagi mereka dan untuk mencapai matlamat yang sederhana itu beberapa "affirmative action plan" dilaksanakan.

Dr Mahathir berkata untuk meningkatkan ekonomi Bumiputera daripada satu peratus kepada 30 peratus, pertumbuhan sebanyak 3,000 peratus dalam 20 tahun diperlukan manakala bagi bukan Bumiputera pula pertumbuhan 33 peratus dalam 20 tahun sudah mencukupi untuk mencapai matlamat 40 peratus.

"Tidak hairanlah jika hari ini Melayu dan Bumiputera mencapai hanya 20 peratus. Itu pun 17 peratus dimiliki oleh agensi kerajaan dan hanya tiga peratus oleh orang Melayu.

"Bukan Bumiputera pula sudah mencapai jauh lebih tinggi daripada 40 peratus yang dijadikan matlamat DEB," katanya.

Perdana Menteri berkata jika dihentikan "affirmative action" (termasuk

tuntutan oleh Suqei tentang persamaan hak) maka prestasi orang Melayu dan Bumiputera lain akan merosot.

"Mereka akan kembali menjadi kaum yang termiskin dan terasing di negara mereka sendiri. Sudah tentu ketegangan akan berlaku dalam hubungan mereka dengan kaum-kaum lain," kata Dr Mahathir, sambil menegaskan jika itu yang berlaku keamanan tidak lagi boleh dijamin dan kemajuan negara juga akan tergugat.

-- BERNAMA
MNY MNY NMO